

# Suami isteri edar ganja ditahan

*Polis temui dadah seberat 12.8kg dalam dua serbuan di Sentul Pasar*

Sinar 15/6/12 Ms 20

**MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI**

**KUALA LUMPUR** - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah jenis ganja selepas menahan sepasang suami isteri dan dua lelaki dalam dua serbuan di Sentul Pasar, Sentul, Selasa lalu.

Dalam serbuan itu, polis menemui ganja seberat 12.8 kilogram (kg), bernilai hampir RM60,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Wan Abdullah Ishak berkata, dalam serbuan pertama, suami isteri berumur 31 dan 24 tahun serta seorang krew produksi, ditahan di sebuah rumah pangsa, kira-kira jam 5.45 petang.

"Pemeriksaan di dalam rumah menemui sembilan ketulan mampat besar dan dua ketulan mampat kecil dadah jenis ganja serta wang tunai berjumlah RM1,245, dipercayai wang hasil jualan," katanya pada sidang me-

dia di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, semalam.

Wan Abdullah berkata, polis kemudiannya menyerbu sebuah rumah di lokasi sama dan menahan anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), berumur 32 tahun, kira-kira jam 7 malam.

"Empat ketulan mampat daun-daun kering dipercayai dadah jenis ganja seberat 4kg dan sebungkus plastik berisi ketulan kecil kristal disyaki dadah syabu seberat 150 gram, dirampas.

"Kita juga menemui dua unit baju kalis peluru dan merampas wang tunai berjumlah RM15,000," katanya.

Beliau berkata, dadah berkenaan diperolehi di utara tanah air dan akan dipasarkan di sekitar Lembah Klang.

Katanya, semua suspek ditahan reman sehingga Rabu depan untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mem-

“Empat ketulan mampat daun-daun kering dipercayai dadah jenis ganja seberat 4kg dan sebungkus plastik berisi ketulan kecil kristal disyaki dadah syabu seberat 150 gram.”

**Wan Abdullah**

bawa hukuman mati mandatori jika disabit kesalahan.

Dalam perkembangan lain, polis menahan seorang lelaki, berumur 22 tahun, di Lorong Raja Laut, Kampung Baru, kira-kira jam 8.25 malam, kelmarin.

Wan Abdullah berkata, polis menemui dua bungkus plastik lut sinar mengandungi ketulan berwarna hijau disyaki dadah jenis heroin seberat 936 gram di dalam kereta jenis Perodua Myvi yang dipandu suspek.



Wan Abdullah (tengah) menunjukkan ganja yang dirampas dalam serbuan di Sentul Pasar, Selasa lalu.